

**PEMBANGUNAN BUKU TEKS SEKOLAH DI MALAYSIA:
DASAR, AMALAN DAN EKONOMI PENERBITAN**

(Jilid I)

MUS CHAIRIL SAMANI

**JABATAN PENGAJIAN MEDIA
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA**

Perpustakaan Universiti Malaya



A511141516

ABSTRAK

Kajian ini menyelidik budaya penerbitan yang diartikulasikan sebagai dasar, amalan dan ekonomi penerbitan semasa yang menstrukturkan pembangunan buku teks sekolah di Malaysia. Kajian ini dimulakan dengan pengkaji menghasilkan inventori buku teks sekolah yang diperakukan oleh Kementerian Pendidikan bagi kegunaan tahun akademik 2002. Buku teks yang didaftarkan bukan sahaja berupa artifak budaya malah berupa dokumen yang memerihalkan budaya penerbitan yang digunakan dalam pembangunannya. Dalam mengkaji fenomena budaya penerbitan buku teks sekolah di Malaysia, kaedah persejarahan komunikasi telah digunakan. Teori pengeluaran produk budaya digunakan sebagai landasan kajian. Teori ini yang diartikulasikan semula menggariskan bahawa dasar sesebuah negara menentukan amalan dan ekonomi penerbitan yang dipraktikkan. Teori ini turut menetapkan organisasi yang mengawal amalan dan ekonomi penerbitan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan bertujuan untuk mengawal amalan dan ekonomi penerbitan buku teks sekolah. Dari segi dasar, kuasa luas diperuntukkan kepada Bahagian Buku Teks (BBT), Kementerian Pendidikan untuk mengawal sepenuhnya proses penerbitan buku teks sekolah daripada peringkat perlantikan penulis sehinggalah buku siap dicetak dan diedarkan ke sekolah. Dari segi amalan penerbitan, BBT turut mengawal dan menetapkan sistem yang digunakan dalam penerbitan buku teks sekolah. Terdapat tiga sistem penerbitan buku teks yang dipraktikkan iaitu sistem penilaian, dalaman dan terbuka. Dari segi ekonomi penerbitan, BBT menentukan harga jualan buku teks sekolah. Dengan menentukan harga jualan, BBT secara tidak langsung menentukan tahap keuntungan sesuatu syarikat penerbitan yang terlibat dalam program penerbitan buku teks sekolah.

Inventori buku pula mengandungi 604 judul buku teks sekolah yang diperakukan oleh Kementerian Pendidikan untuk kegunaan pelajar dari tahun satu di sekolah rendah sehingga tingkatan lima di sekolah menengah. Inventori ini mencerminkan dasar, amalan dan ekonomi penerbitan yang diamalkan dalam penerbitan buku teks semasa. Analisis inventori menunjukkan DBP mendapat kontrak terbesar dengan menerbitkan 89 (14.7%) dari 604 judul buku teks sekolah. Dapatan juga menunjukkan bahawa harga buku teknikal dan vokasional lebih tinggi berbanding harga buku teks jenis lain. Kesimpulannya, dasar, amalan dan ekonomi penerbitan yang menjadi amalan semasa menyuburkan budaya pengeluaran buku teks sekolah di negara ini yang dikawal sepenuhnya oleh BBT sehingga badan ini boleh dianggap bertindak sebagai sebuah "penerbit." Walaupun terdapat penerbit swasta, mereka hanya bertindak sebagai kontraktor yang menerbit, mencetak, dan membekal buku teks ke sekolah.

ABSTRACT

This study investigates culture of publishing which is articulated as prevailing policies, practices and economics of publishing that structure the development of textbooks in Malaysia. To study the culture of textbook publishing in Malaysia, the researcher begins with the setting up of an inventory to catalogue all the textbooks that have endorsed by the Ministry of Education for usage in all schools for the academic year 2002. These catalogued textbooks reflect the culture of publishing that was used to publish them and at the same time, these textbooks serve as cultural artifacts of its development process. To investigate the culture of textbook publishing in Malaysia, the researcher used the communication historical method. The theory on production of cultural product was used as a theoretical framework. The theory that was rearticulated states that a country's policies on publishing will determine the publishing practices and economics of publishing. The theory suggests which organization will have control publishing practices and economics of publishing. The research findings indicate that the policies implemented by the government were aimed to control publishing practices and economics of publishing of textbooks in this country. The prevailing publishing policies confers wide powers to the Textbook Division of the Ministry of Education (TD MoE) to control the whole process of textbook publishing from the stage of selecting of writers until each title is printed and circulated to the various schools throughout the country. TD MoE also controls and determines the system to be used to publish school textbooks. The three systems currently being used to publish textbooks are evaluation, internal and open systems. TD MoE also determines the selling price of textbooks. By controlling the selling price of textbooks, TD MoE indirectly determines the margin of profit of publishers

that are involved in the school textbook publishing program. The inventory consists of 604 textbooks titles endorsed by MoE being used by students from standard one to form five. The inventory reflects the prevailing policies, practices and economics in textbook publishing. Analysis of the inventory shows that DBP obtained the largest contract to publish 89 (14.7%) of the 604 titles. The findings indicate that price of technical and vocational textbook titles are more expensive than the other titles. In short, the prevailing policies, practices and economics of publishing nurture a culture of publishing that allows TD MoE to control and become the “publisher” of school textbooks in this country. Even though, private publishers are involved in the local school textbook scene but they merely act as publishing contractors that publish, print and supply textbooks to the schools.